

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
(KOTA BHARU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perolehan kutipan GST bagi tahun 2015 bagi Negeri Kelantan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil bersih kutipan GST iaitu setelah mengambilkira tuntutan kredit ke atas GST diperingkat input perniagaan bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Memandangkan GST adalah cukai di peringkat Kerajaan Persekutuan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, maka ia dikutip secara keseluruhannya tanpa

mengambil kira lokasi pendaftaran perniagaan atau pendaftaran perlesenan dibuat dan lokasi perniagaan dijalankan di sesuatu negeri atau daerah. Dalam konteks ini, kutipan cukai GST di mana-mana negeri atau daerah tidak menggambarkan bahawa kutipan tersebut adalah berkaitan secara langsung dengan aktiviti ekonomi di tempat berkenaan.

Di samping itu, hasil GST import juga lebih tertumpu kepada negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan utama. Walau bagaimanapun, berdasarkan pentadbiran aktiviti pengutipan GST yang mengikut lokasi pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan yang dibuat, kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri-negeri. Dalam hubungan ini, kutipan hasil GST di negeri Kelantan bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM0.08 bilion iaitu merupakan 0.3 peratus daripada keseluruhan kutipan hasil GST.